


# Talian Maklumat

Talian Maklumat

## ASTM Digital Library Kini Boleh Diakses Oleh Warga UniMAP

ASTM Digital Library merupakan salah satu sumber elektronik terkini yang dihubungkan kepada para pengguna Perpustakaan. Sumber ini ditawarkan melalui platform IHS atau *Institute of Handling Services* yang menawarkan kandungan maklumat teknikal daripada lebih 370 organisasi piawaian di seluruh dunia. Bermula pada tahun 2008, pengguna Perpustakaan boleh menikmati capaian kepada 950 penerbitan teknikal, 50 manual dan monograf serta 13,000 artikel jurnal terbitan ASTM. Jurnal yang disenaraikan di dalam ASTM Digital Library meliputi *Journal of ASTM International*, *The Journal of Testing and Evaluation*, *Geotechnical Testing Journal* dan *Journal of Forensic Sciences*. Apa yang lebih penting, pengguna boleh merujuk kepada teks penuh kepada bahan teknikal daripada persidangan yang dianjurkan oleh lebih daripada 140 jawatankuasa teknikal ASTM. Ini meliputi bidang pengajian alam sekitar, petroleum, metal, binaan dan pelbagai lagi. Jangan ketinggalan untuk merujuk kepada teks penuh manual yang mengandungi panduan bergambar dan monograf dalam bidang teknikal.



## Buku Elektronik Semakin Populer di Kalangan Warga UniMAP

Diselaraskan oleh Hasdarinar Abdul Jalal

Buku elektronik merupakan satu sumber rujukan terkini terutama kepada pelajar dan staf akademik di UniMAP. Kini, Perpustakaan telah memiliki sebanyak 7 pangkalan data data buku elektronik yang mengandungi 84,062 tajuk buku sehingga Jun 2009. Buku-buku ini boleh diakses dimana jua anda berada dengan capaian melalui EZProxy. Jumlah ini buku elektronik kini melangkaui bilangan naskhah buku bercetak di Perpustakaan.



Pelajar dan kakitangan akademik telah diberikan pendedahan tentang buku elektronik melalui bengkel literasi maklumat yang dianjurkan oleh Perpustakaan. Pada tahun 2008, pangkalan data buku elektronik SpringerLink telah mula menjadi pilihan pengguna dengan jumlah muat turun mencapai 30,414, diikuti dengan Knovel sebanyak 8,128 muat turun dan ENGnetBASE sebanyak 927 muat turun.



Peningkatan penggunaan pangkalan data e-buku mungkin dipengaruhi oleh faktor kelebihan features sumber berkenaan berbanding dengan buku bercetak. Antaranya ialah faktor kebolehcapaian 24/7, penjimatan masa memperoleh bahan, kaedah carian maklumat yang mesra pelanggan. Sumber e-buku juga lengkap membekalkan imej, carta dan elemen-elemen multimedia selain kemudahan menyebarkan maklumat kepada rakan-rakan dengan hanya melalui emel, memuat turun dan mencetak bahan.

Apa yang lebih menarik, kini pengguna berupaya menjimatkan masa dalam aktiviti menghasilkan senarai rujukan kerana kebanyakan pangkalan data buku elektronik kini dilengkapi dengan perisian pengurusan bibliografi seperti *EndNotes*, *RefWorks* dan sebagainya.

Kesimpulannya, peningkatan penggunaan pangkalan data buku elektronik menunjukkan gaya baru ini telah diterima dengan baik oleh pengguna ekoran kemajuan teknologi internet.

### Rujukan

Elsevier. (2008). ScienceDirect info. Retrieved 16 Jul, 2009, from <http://www.info.sciencedirect.com/content/books> Showayb A. A. Zahda. (2007). Electronic books: Fad or Future? [Electronic Version]. Retrieved 16 Jul 2008 from <http://www.scribd.com/doc/127635/Electronic-books-EBook-Fad-or-Future>.